

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda memohon akaun <i>TAIB Deposit Certificate</i>. Sila baca juga Terma dan Syarat Am dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini dan syaratnya.</p>	<p><b>Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei</b></p> <p><b><i>TAIB DEPOSIT CERTIFICATE (TDC)</i></b></p> <p>Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah dari 29<sup>th</sup> Oktober 2021</p>
<p><b>1. Apakah produk <i>Taib Deposit Certificate</i> ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Taib Deposit Certificate</i> merupakan akaun deposit patuh Syarak yang bertempoh pendek dan sederhana berdasarkan konsep Syariah <i>Mudharabah Muthlaqah</i>.</li> <li>• Akaun ini adalah akaun deposit bertempoh dan keuntungan akan dibayar waktu matang. Wang deposit permulaan boleh dipusing secara otomatik (<i>auto roll-over</i>).</li> </ul>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Syariah yang diguna pakai adalah <i>Mudharabah Muthlaqah</i></li> <li>• Ini merujuk kepada perjanjian antara pemegang akaun pelaburan (pembekal modal) dan Perbadanan TAIB (usahaawan) di mana pemegang akaun Term Deposit bersetuju untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kewangan yang dijalankan oleh Perbadanan TAIB dan berkongsi keuntungan (jika ada) yang dihasilkan daripada aktiviti pelaburan berdasarkan kadar Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui.</li> </ul>	
<p><b>3. Apakah kadar perkongsian keuntungan (<i>Profit Sharing Ratio</i>)?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar perkongsian keuntungan '<i>Profit Sharing Ratio</i>' adalah 70(Pelanggan) : 30(Taib)</li> </ul>	
<p><b>4. Siapakah yang boleh memohon produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Individu atau Bersama</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Warganegara Brunei</li> <li>b. Penduduk Tetap Brunei</li> <li>c. Warganegara asing pemegang kad pengenalan hijau</li> </ul> </li> <li>• <b>Korporat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pemilik perseorangan, Syarikat, Perkongsian, Persatuan, Masyarakat, Koperasi, Kelab, Pihak Kerajaan, Sekolah – Sekolah, NGOs</li> <li>➤ Berumur 18 tahun dan ke atas</li> <li>➤ Pemohon mestilah menetap di Brunei Darussalam</li> <li>➤ Pemohon tidak tersenarai di dalam senarai dalaman TAIB (<i>TAIB Internal list</i>)</li> </ul> </li> </ul>	

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### 5. Apakah dokumen yang diperlukan?

- **Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Brunei:**
  - Kad pengenalan asal yang sah.
- **Warganegara asing:**
  - Kad pengenalan asal yang sah.
  - Pasport asal yang sah.
  - Pas kerja atau Pas Tanggungan (Anak / Pasangan) – sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam perkhidmatan dengan pas kerja tidak kurang dari enam (6) bulan;
  - Surat tawaran pekerjaan / perjanjian kontrak.
  - Bukti memuaskan berkaitan dengan alamat kediaman seperti perjanjian sewa / bil kemudahan.
  - Borang sijil cukai (*Tax Certification Form*).
- **Business Names (Sole Proprietors or Partnerships):**
  - Kad Pengenalan asal
    - Sole proprietor
    - Partnerships (All Partners)
  - Penandatangan yang sah untuk Pemilik Tunggal (jika berkenaan)
  - Sijil Pendaftaran asal (Seksyen 16 & 17)
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
- **Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat (Companies Act):**
  - Kad Pengenalan asal semua Pengarah
  - Semua penandatangan yang sah (jika berkenaan)
  - Sijil Penubuhan asal
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata berserta *Board of Directors Resolution / Company Secretary Certificate*
  - Memorandum dan Artikel Penubuhan
  - *Return of the Allotment of Shares*
- **Sekolah:**
  - Kad Pengenalan asal
  - Penandatangan yang Sah
  - Surat Pelantikan dari Kementerian Pendidikan
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
- **Masjid:**
  - Kad Pengenalan asal
  - Penandatangan yang sah
  - Surat Kelulusan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (Hal Ehwal Masjid)
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
  - \*\*Minit Mesyuarat ahli-ahli Jawatankuasa Masjid

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

- **Lain-lain (Koperasi, Pertubuhan, Perbadanan, Tabung, Persatuan, Majlis Perundingan Kampung):**
  - Kad Pengenalan asal
  - Penandatangan yang sah
  - Surat Kelulusan dari Pasukan Polis Diraja Brunei mengenai penubuhan Perbadanan, Koperasi dll (*Certificate of Registration*)
  - Surat Pelantikan
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
  - \*\*Minit Mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa

### **6. Apakah yang perlu pelanggan lakukan semasa membuka akaun?**

- Semasa pembukaan akaun, pelanggan akan diberikan teks tawaran dan penerimaan ("*Sighah Aqad*"), yang mana pelanggan dikehendaki untuk melafazkannya di hadapan kakitangan Perbadanan TAIB.

### **7. Apakah ciri-ciri produk ini?**

- Akaun simpanan patuh Syara'
- Pilihan untuk memusing wang deposit permulaan secara otomatik (*Auto roll-over*).

### **8. Berapakah deposit awal diperlukan?**

- Simpanan permulaan minimum ialah BND100.00.

### **9. Berapa lamakah tempoh produk ini?**

- 1 tahun.

### **10. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu pelanggan ketahui?**

- Sila rujuk Terma dan Syarat Am untuk maklumat lanjut.
- Pelanggan **MESTI** mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa untuk pengagihan dana ke *Taib Deposit Certificate* atau keuntungan.
- Keuntungan hanya akan ditentukan pada tempoh kematangan.
- Tiada keuntungan akan diberikan jika penutupan akaun pada 180 hari atau kurang.
- 50% daripada kadar semasa akan diberikan jika penutupan akaun melebihi 180 hari sebelum matang.

### **11. Apakah Fi yang perlu pelanggan bayar?**

- Fi adalah tertakluk kepada perubahan; sila rujuk kepada '**Jadual Tarif dan Fi TAIB**' untuk sebarang perubahan pada kadar dan fi perkhidmatan lain.

### **12. Apakah risiko utama yang berkaitan?**

- Tiada jaminan keuntungan pada tempoh matang.

### **13. Bagaimana cara menjaga keselamatan akaun ini?**

- Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuka akaun *TAIB Deposit Certificate*.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### 14. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

- Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

### 15. Di manakah pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.
- Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn) atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan  
Brunei Darussalam Central Bank  
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam  
Tel: +673 2380007

### 16. Apakah Produk Deposit Bertempoh lain yang sedia ada?

- Ar-Rizq Deposit*

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Am TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka akaun <i>TAIB Deposit Certificate</i> yang berkonsepkan <i>Mudharabah Muthlaqah</i> mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No K/P: Tarikh:	Nama: No K/P: Tarikh:
..... (Untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB)	..... (Tandatangan Pelanggan)